

Emkay labur RM600j

Bangunkan Pulau Banding sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia

>>Oleh Sarah Zulkifli
sarah@hmetro.com.my

KUMPULAN Syarikat Emkay akan membangunkan Pulau Banding di Perak sebagai destinasi pelancongan terkini berkonsepkan pelancongan-eko bertaraf dunia dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM600 juta dalam tempoh 10 tahun.

Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar, berkata projek pembangunan di Pulau Banding yang mementingkan pemuliharaan alam sekitar itu akan menjadi pintu masuk kepada pengunjung yang berminat dengan alam semula jadi terutama Hutan Diraja Belum.

"Hutan Diraja Belum yang

berusia 130 juta tahun menyimpan khazanah alam yang tidak ternilai kini menjadi tumpuan pelancong adalah satu warisan alam semula jadi dan berpotensi menjadi produk pelancongan yang berharga di mata dunia.

"Sehubungan itu, saya menjamin pembangunan di pulau itu tidak memberi kesan kepada alam sekitar kerana kerja akan dilakukan secara manual walaupun terpaksa menanggung kos tinggi.

"Apa yang penting alam sekitar dan kehidupan di kawasan itu tidak terjejas akibat pencemaran," katanya ketika memberi taklimat mengenai projek pembangunan itu kepada sekumpulan wartawan termasuk yang dibawa khas dari Kuala Lumpur di Pulau

**MUSTAPHA
KAMAL...kekalkan
alam sekitar Hutan
Diraja Belum.**



Banding, Selasa lalu.

Mustapha Kamal berkata, projek pembangunan itu akan dilakukan secara berperingkat dalam dua fasa dengan perancangan lima ta-

hun pertama membabitkan kos RM300 juta.

"Untuk fasa pertama yang akan dilancarkan bulan depan membabitkan perancangan lima tahun. Syarikat

akan melaksanakan projek menaik taraf kemudahan penginapan di Banding Island Resort (BIR), membina kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dan pusat kajian yang kosnya RM100 juta.

"Kami mengambil keputusan untuk membina pusat kajian dengan menanggung kos pembinaannya berjumlah RM6 juta yang lengkap dengan kemudahan asas bagi memudahkan penyelidik tempatan dan antarabangsa serta badan bukan kerajaan (NGO) menjalankan kajian.

"Kami berharap dengan pusat kajian itu, penawar penyakit seperti kanser yang dijumpai di Hutan Diraja Belum, akan memberi manfaat kepada negara dan masyarakat dunia," katanya.